

LAMPIRAN H
(Kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang)
Terpakai kepada Transaksi Kod QR

1. AKU JANJI/PERUNTUKAN TAMBAHAN BERKAITAN DENGAN TRANSAKSI KOD QR

Untuk Transaksi Kod QR:-

- (a) Pedagang mestilah hanya menggunakan Kod QR (Statik) untuk mengutip wang bagi jualannya sendiri dan tidak berkongsi atau menduplikasi Kod QR (Statik) untuk digunakan oleh mana-mana pihak ketiga lain. Jika Pedagang percaya bahawa Kod QR (Statik) mereka telah diusik atau rosak, Pedagang mesti segera memaklumkan kepada Bank untuk mencetak semula dan menggantikan yang sama.
- (b) Pedagang mestilah tidak menjana sebarang Kod QR (Dinamik) di mana-mana lokasi yang melebihi jarak tertentu (*seperti yang ditetapkan oleh Bank*) dari alamat kedai Pedagang ("**Lokasi Tidak Diberi Kuasa**"). Peranti yang digunakan oleh Pedagang untuk menjana Kod QR (Dinamik) dipasang dengan ciri geo-lokasi anti-penipuan ("*anti-fraud geo location*"). Jika Kod QR (Dinamik) dijana di mana-mana Lokasi Tidak Diberi Kuasa, amaran penipuan akan dicetuskan.
- (c) Apabila Pedagang hanya melaksanakan Transaksi Kod QR menggunakan Kod QR (Statik) dan tidak menggunakan mana-mana Saluran Pembayaran lain:-
 - (i) Satu laporan untuk Transaksi Kod QR yang dilaksanakan setiap hari akan disediakan kepada Pedagang menjelang Hari Perniagaan berikutnya. Pedagang akan menerima suatu pemberitahuan apabila laporan telah sedia untuk semakan dan Pedagang hendaklah log masuk ke Portal Dalam Talian Elektronik Pedagang CIMB (e-Akses) untuk menyemak laporan tersebut;
 - (ii) Bank hendaklah membayar dana penyelesaian yang perlu dibayar kepada Pedagang dalam (i) satu (1) Hari Perniagaan selepas Transaksi Kod QR yang dilakukan sebelum jam 8 malam, dan (ii) dua (2) Hari Perniagaan untuk Transaksi Kod QR yang dilakukan selepas jam 8 malam melainkan Bank menerima notis daripada Syarikat-syarikat Kad, PayNet dan/atau Pengendali eDompot yang menghendaki Bank menahan pembayaran kepada Pedagang;
 - (iii) Jika Bank tidak menerima dana penyelesaian daripada Pengendali eDompot, Bank dan Pedagang hendaklah bersetuju untuk menangguhkan pembayaran Bank ke suatu tarikh yang dipersetujui bersama antara Bank dan tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan ini. Sebarang percanggahan atau kesilapan yang timbul daripada proses penyelesaian, mesti dimaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tujuh (7) Hari Kalendar dari tarikh pembayaran Bank, jika tidak Pedagang hendaklah dianggap telah mengetepikan haknya untuk membuat sebarang tuntutan terhadap Bank berkenaan dengan percanggahan atau kesilapan tersebut;
 - (iv) jika sebarang pertikaian antara Pemegang Kad / Pengguna eDompot / pelanggan dan Pedagang timbul semasa Transaksi Kod QR menggunakan Kod QR (Statik), proses yang digunakan untuk menyelesaikan percanggahan pendapat antara Pemegang Kad / Pengguna eDompot / pelanggan dan Pedagang hendaklah berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Syarikat-syarikat Kad, PayNet atau pengendali platform di mana Transaksi Kod QR dilaksanakan dan sekiranya tiada sebarang peraturan sedemikian,

Pedagang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyelesaikan pertikaian secara persahabatan dengan Pemegang Kad / Pengguna eDompot / pelanggan tanpa melibatkan Bank.

- (v) Jika Bank mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu Transaksi Kod QR adalah tidak teratur (sama ada melalui pemalsuan atau dengan apa-apa cara lain, mencurigakan atau berkemungkinan berunsur penipuan, atau transaksi tersebut melanggar undang-undang atau kaedah mana-mana Syarikat Kad, PayNet, Operator e-Dompot dan/atau agensi kerajaan, atau jika Bank menerima kenyataan bertulis daripada Pemegang Kad, Pengguna e-Dompot/pelanggan yang menafikan transaksi berkenaan) (“Transaksi Kod QR Tidak Teratur”), maka Transaksi Kod QR Tidak Teratur tersebut adalah tidak sah.

Tanpa menjejaskan peruntukan di atas: -

- Jika Bank ialah pengeluar Kod QR bagi Transaksi Kod QR Tidak Teratur tersebut, Bank boleh menahan pembayaran sehingga enam (6) bulan dari tarikh pengemukaan Transaksi Kod QR Tidak Teratur (“Tempoh Penahanan Awal”) bagi tujuan siasatan. Jika Bank mendapati bahawa Transaksi Kod QR Tidak Teratur tersebut sebenarnya sah, Bank hendaklah membuat pembayaran tanpa faedah. Jika Bank tidak dapat menyelesaikan siasatan dalam Tempoh Penahanan Awal, Bank boleh membuat laporan polis terhadap Pedagang dan terus menahan pembayaran sehingga Bank menerima laporan siasatan polis yang lengkap. Jika berdasarkan dapatan pihak polis, Bank berpuas hati bahawa Transaksi Kod QR Tidak Teratur tersebut adalah sah, Bank hendaklah membuat pembayaran tanpa faedah.
 - Jika Bank bukan pengeluar Kod QR bagi Transaksi Kod QR Tidak Teratur tersebut, Bank boleh menahan pembayaran bagi Tempoh Penahanan Awal dan cuba mendapatkan pengesahan bertulis daripada Pemegang Kad/Pengguna e-Dompot/pelanggan berkenaan atau pengeluar Kod QR yang relevan mengenai kesahihan Transaksi Kod QR Tidak Teratur tersebut. Jika Bank tidak dapat memperoleh pengesahan sedemikian sebelum Tempoh Penahanan Awal tamat atau jika pengeluar Kod QR berkenaan mengenakan caj balik kepada Bank, Transaksi Kod QR Tidak Teratur tersebut hendaklah dianggap tidak sah. Jika Bank tidak dapat memperoleh pengesahan bertulis sebelum Tempoh Penahanan Awal tamat, Bank juga boleh membuat laporan polis terhadap Pedagang dan terus menahan pembayaran sehingga Bank menerima laporan siasatan polis yang lengkap. Jika berdasarkan dapatan pihak polis Bank berpuas hati bahawa Transaksi Kod QR Tidak Teratur tersebut adalah sah, Bank hendaklah membuat pembayaran tanpa faedah.
- (d) Pedagang dan Wakil Jualan mereka hendaklah mematuhi semua langkah keselamatan yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkaitan dengan Transaksi Kod QR.
- (e) Pedagang hendaklah mematuhi semua prosedur sebagaimana yang dikomunikasikan oleh Bank kepada Pedagang dari semasa ke semasa, yang perlu untuk mencegah dan mengurangkan risiko berpotensi (seperti risiko penipuan dan penyelesaian).
- (f) Pedagang hendaklah menanggung risiko kerugian jika terdapat:
- (i) pemintasan transaksi yang boleh mengakibatkan transaksi dilakukan kepada pihak ketiga yang tidak diingini dan tidak diberi kuasa;
 - (ii) sebarang transaksi tanpa diberi kuasa di mana keselamatan transaksi telah dikompromi;
 - (iii) sebarang manipulasi tanpa diberi kuasa mana-mana Kod QR;

- (iv) usikan Kod QR (Statik) yang dipaparkan yang boleh mengakibatkan pembayaran kepada pihak ketiga yang tidak diingini selain daripada Pedagang; dan/atau
- (v) kelewatan dan/atau kegagalan dalam pembayaran yang dilaksanakan kepada Pedagang dan/atau kegagalan transaksi disebabkan oleh:
 1. kesilapan teknikal, malfungsi atau peninggalan di pihak Bank, Syarikat-syarikat Kad, PayNet dan/atau Pengendali eDompét;
 2. aktiviti penyelenggaraan yang dijalankan berkenaan dengan infrastruktur sistem berkenaan;
 3. kesesakan rangkaian telekomunikasi, kegagalan rangkaian, kegagalan sistem atau sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah Bank;
 4. orang atau pihak ketiga tidak diberi kuasa yang mengakses Terminal Pedagang atau mana-mana sistem komputer atau elektronik berkenaan lain; dan/atau
 5. sebarang kehilangan atau kecurian data akibat daripada sebarang virus atau perisian hasad.

2. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN UNTUK PERKHIDMATAN DUITNOW QR

Apabila menggunakan Perkhidmatan DuitNow QR, Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR yang dinyatakan dalam **Jadual 1** hendaklah juga terpakai.

3. LAMPIRAN H (TERMASUK JADUAL 1) HENDAKLAH DIBACA DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEDAGANG

Lampiran H ini (termasuk Jadual 1) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank. Jika Kod QR dan/atau Perkhidmatan DuitNow QR digunakan bersama dengan Saluran Pembayaran lain, terma-terma dan syarat-syarat masing-masing yang mengawal Saluran Pembayaran tersebut hendaklah digunakan sebagai tambahan kepada Lampiran H ini (termasuk Jadual 1). Sekiranya terdapat ketidakselarasan, Lampiran H (termasuk Jadual 1) akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, setakat mana yang berkaitan dengan Kod QR dan/atau Perkhidmatan DuitNow QR.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●

Jadual 1 – Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR

1A. Definisi

“Akaun” bermaksud Akaun eDompét yang ditawarkan oleh Pengendali eDompét dan semua jenis akaun perbankan yang ditawarkan oleh bank, kecuali akaun deposit tetap. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, semua jenis akaun pelaburan konvensional dan/atau Islamik, akaun deposit Islamik, akaun semasa, akaun internet maya. Selain itu, ini bermaksud semua akaun kemudahan kredit (*‘line of credit accounts’*) yang terikat dengan kad pembayaran di mana transaksi dibuat.

“Benefisiari Penipuan” bermaksud pihak yang akhirnya mendapat manfaat daripada pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan.

“Pengeluaran Wang Tunai” bermaksud ciri tambah nilai Perkhidmatan DuitNow QR yang membolehkan Pembayar mengeluarkan wang tunai dari tempat penerimaan fizikal Pedagang. Had maksimum yang ditetapkan untuk Pengeluaran Wang Tunai ialah RM500 bagi setiap transaksi.

“Pemindahan Kredit” bermaksud arahan daripada Pembayar kepada Peserta Pendebitan untuk mendebit Akaun Pembayar dan memudahkan pemindahan dana ke Akaun Penerima.

“Peserta Pengkreditan” bermaksud bank dan bukan bank di mana Pedagang atau Penerima mengekalkan akaun untuk menerima hasil masuk daripada Arahan Pembayaran.

“Perkhidmatan DuitNow QR” atau **“DuitNow QR”** bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan oleh PayNet, termasuk QR Rentas Sempadan, yang memudahkan pembayaran atau pemindahan kredit antara negara atau di seluruh negara.

“Perkhidmatan QR Rentas Sempadan” atau **“QR Rentas Sempadan”** ialah perkhidmatan pemindahan dana elektronik yang memudahkan pembayaran tempat jualan yang dihantar menggunakan maklumat yang diperolehi daripada mengimbas kod QR yang mematuhi Piawai QR Nasional DuitNow atau kod QR yang dikeluarkan oleh *“Participating Switch”*.

“Pelanggan” ialah istilah yang digunakan untuk merujuk secara kolektif kepada Pembayar, pedagang, Penerima dan pelanggan-pelanggan lain Peserta.

“Peserta Pendebitan” bermakna bank-bank dan Pengendali-pengendali eDompot yang mengambil bahagian dalam RPP di mana Pembayar mengekalkan akaun.

“Jenama DuitNow QR” bermaksud jenama, ikon, logo, tanda dagangan dan tanda perkhidmatan untuk DuitNow QR.

“Harta Intelekt DuitNow QR” bermaksud semua aset intelektual tidak ketara untuk Perkhidmatan DuitNow QR.

“Peraturan QR PayNet” bermaksud peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam *‘Overlay Service Procedures for DuitNow QR and Cross-Border QR’* dan *‘Operational Procedures for Real-Time Retail Payments Platform’* Paynet semasa, yang mengawal operasi Perkhidmatan DuitNow QR.

“Pemilik & Pengendali DuitNow QR” atau **“PayNet”** bermaksud Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. (Nombor Syarikat: 200801035403 [836743-D]).

“Pedagang Asing” bermaksud individu, syarikat, badan korporat, perniagaan (termasuk pemilik tunggal dan perkongsian) yang diperbadankan di luar Malaysia yang menerima pembayaran melalui Perkhidmatan QR Rentas Sempadan, untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan.

“Peserta” bermaksud bank dan bukan bank yang telah diberikan kelulusan oleh PayNet untuk mengakses RPP bagi membolehkan penjelasan dan penyelesaian transaksi DuitNow QR dan QR Rentas Sempadan.

“Participating Switch” bermaksud institusi asing yang menyediakan perkhidmatan QR Rentas Sempadan di negara masing-masingnya kepada Pemeroleh atau Pengeluarnya (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan melaksanakan fungsi penukaran untuk menerima, memproses dan menghantar transaksi ke seluruh negara kepada PayNet.

“Pembayar” bermaksud individu, syarikat, badan korporat, perniagaan (termasuk pemilik tunggal dan perkongsian), agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan dan Pelanggan lain yang membuat pemindahan dana melalui Perkhidmatan DuitNow QR.

“Pembayaran” bermaksud arahan daripada Pembayar kepada Peserta Pendebitan untuk mendebit Akaun Pembayar dan memudahkan pemindahan dana ke Akaun Ditetapkan Pedagang sebagai bayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan.

“Arahan Pembayaran” bermaksud arahan oleh Pembayar kepada Peserta Pendebitan untuk membuat transaksi Pembayaran, Pemindahan Kredit dan/atau Pengeluaran Wang Tunai menggunakan Perkhidmatan DuitNow QR.

“Penerima” bermaksud individu yang menerima dana daripada Pembayar melalui DuitNow QR dan yang mempunyai akaun dengan mana-mana Peserta.

“RPP” bermaksud ‘*Real-Time Payments Platform*’, infrastruktur pembayaran bersama yang dibangunkan dan ditubuhkan oleh PayNet, yang memudahkan pembayaran serta kutipan segera dan saling beroperasi.

“Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula” bermaksud bahagian dana yang dipindahkan dan dikreditkan kepada pihak yang salah disebabkan oleh pembayaran yang salah, tersilap, tanpa kebenaran atau penipuan yang tidak boleh dipungut semula selepas Peserta telah menghabiskan proses pemungutan semula dana.

1. Pengenalan

- 1.1 Bank ialah Peserta Pengkreditan dan Pedagang ialah Pedagang berdaftar di bawah Perkhidmatan DuitNow QR.
- 1.2 Sebagai balasan fi yang dibayar kepada Bank, Bank bersetuju untuk memudahkan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan DuitNow QR mengikut Terma-terma & Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (*termasuk Lampiran H dan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini*).
- 1.3 Dengan mendaftar Perkhidmatan DuitNow QR, Pedagang bersetuju untuk mematuhi semua Peraturan QR PayNet termasuk prosedur operasi DuitNow QR yang dikeluarkan oleh Pemilik & Pengendali DuitNow QR yang terpakai kepada Pedagang, seperti yang diperuntukkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini termasuk sebarang semakan masa hadapan yang akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pedagang.
- 1.4 Pedagang yang berdaftar untuk Perkhidmatan DuitNow QR boleh menerima dana daripada Pembayar dan/atau Pedagang Asing dengan mengimbas kod QR yang dikeluarkan oleh PayNet dan/atau “*Participating Switch*”.

2. Kewajipan Pedagang

- 2.1 Jika Pedagang ingin menerima dana melalui DuitNow QR, Pedagang:
 - 2.1.1 Hendaklah tidak mengenakan sebarang fi untuk pembayaran tempat jualan yang dibuat oleh Pembayar menggunakan Perkhidmatan DuitNow QR; dan
 - 2.1.2 Hendaklah tidak menolak sebarang fi RPP daripada Pengeluaran Wang Tunai dan memastikan Pembayar dibayar dalam jumlah penuh.

- 2.2 Pedagang hendaklah menerima Pembayaran atau Pengeluaran Wang Tunai yang mengeluarkan dana dari Akaun eDompot yang ditawarkan oleh Pengendali eDompot dan semua jenis akaun deposit yang ditawarkan oleh bank, kecuali akaun deposit tetap. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, semua jenis akaun pelaburan konvensional dan/atau Islamik, akaun deposit Islamik, akaun semasa, akaun internet maya dan/atau akaun kemudahan kredit (*'line of credit accounts'*) yang terikat dengan kad pembayaran.
- 2.3 Pedagang mesti tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan yang mungkin mengikat Bank, Pemilik & Pengendali DuitNow QR, Peserta Pendebitan, atau mana-mana Peserta lain dalam perkhidmatan.
- 2.4 Pedagang mesti mewujudkan dan mengekalkan dasar yang adil untuk membetulkan kesilapan dan memudahkan pemulihan dana untuk pembayaran yang salah atau tersilap dan/atau pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan. Pedagang hendaklah memastikan pematuhan dan hendaklah mematuhi sepenuhnya semua kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling dan undang-undang yang berkaitan dengan DuitNow QR termasuk tetapi tidak terhad kepada Peraturan QR PayNet.
- 2.5 Pedagang hendaklah mengemas kini Terma-terma dan Syarat-syarat untuk DuitNow QR supaya ia diperluaskan untuk meliputi penggunaan Perkhidmatan QR Rentas Sempadan.
- 2.6 Pedagang hendaklah bersetuju kepada dan membenarkan Bank mendedahkan maklumatnya berkaitan dengan proses pembayaran sebagaimana yang dikehendaki oleh Pemilik & Pengendali DuitNow QR untuk Perkhidmatan DuitNow QR.
- 2.7 Pedagang yang telah diberikan lesen tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan Jenama DuitNow QR tidak boleh melesenkan atau menyerahkan hak guna tersebut kepada mana-mana pihak ketiga yang lain. Pedagang hendaklah mematuhi Garis Panduan Jenama DuitNow pada setiap masa.
- 2.8 Bagi tujuan **Klausula 2.7**, Pedagang akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, ganti rugi dan perbelanjaan yang timbul daripada atau disebabkan oleh penyalahgunaan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Jenama DuitNow QR. Sekiranya berlaku pelanggaran sedemikian, hak sublesen Pedagang untuk menggunakan Jenama DuitNow QR akan secara automatik dibatalkan dan dihentikan dengan segera, dan seterusnya Bank boleh menamatkan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan DuitNow QR, tanpa menjejaskan hak terakru mana-mana pihak. Selepas penamatan, **Klausula 2.9** hendaklah terpakai dengan sewajarnya.
- 2.9 **Klausula 2** ini hendaklah kekal terpakai selepas penamatan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan DuitNow QR. Penamatan tidak menjejaskan hak terakru, dan kewajipan tertanggung mana-mana pihak sebelum penamatan.

3. Kewajipan Bank

- 3.1 Bank hendaklah mengkreditkan dan menyediakan dana daripada Arahan Pembayaran diterima ke Akaun Ditetapkan Pedagang dalam:
- (i) satu (1) Hari Perniagaan selepas transaksi DuitNow QR yang dilakukan sebelum jam 8 malam; dan
 - (ii) dua (2) Hari Perniagaan untuk transaksi DuitNow QR yang dilakukan selepas jam 8 malam,

melainkan Bank menerima notis daripada Peserta Pendebitan dan/atau PayNet yang menghendaki Bank untuk menahan pembayaran kepada Pedagang. Jika Bank tidak menerima dana penyelesaian daripada Peserta Pendebitan, Bank dan Pedagang hendaklah bersetuju untuk menanggungkan pembayaran Bank kepada tarikh yang dipersetujui bersama antara Bank dan tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan ini. Sebarang percanggahan atau kesilapan yang timbul daripada proses penyelesaian mesti dimaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) Hari Kalendar dari tarikh pembayaran Bank, jika gagal, Pedagang akan dianggap telah mengetepikan haknya untuk membuat sebarang tuntutan terhadap Bank berkenaan dengan percanggahan atau kesilapan tersebut.

3.2 Sebarang bayaran balik oleh Bank mesti dibuat bersama-sama dengan fi transaksi kepada Pedagang jika fi ditanggung disebabkan oleh pertikaian Pembayar yang bukan disebabkan oleh Pedagang. Walau bagaimanapun, jika Pedagang memilih untuk membayar balik sebahagian daripada lebihan bayaran kepada Pembayar, Pedagang hendaklah menanggung fi transaksi untuk melaksanakan pembayaran balik tersebut.

3.3 Bank hendaklah melaksanakan langkah-langkah yang munasabah untuk mengesan, mengurangkan, menyelesaikan dan mencegah perbuatan penipuan sebenar dan disyaki atau tanpa kebenaran.

4. Pemungutan Semula Dana

4.1 Pedagang hendaklah:

4.1.1 Membantu Bank dalam sebarang penyiasatan pembayaran yang salah atau tersilap seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 5**;

4.1.2 Membantu Bank dalam sebarang penyiasatan mengenai pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan seperti yang dinyatakan **Klausula 6**; dan

4.1.3 Membuat bayaran balik kepada Pembayar atau Peserta Pendebitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika didapati bahawa Pedagang bertanggungjawab untuk pembayaran yang salah, tersilap, tanpa kebenaran atau penipuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

4.2 Sekiranya pembayaran salah atau tersilap disebabkan oleh Pedagang, selepas penentuan dan pengesahan daripada Pedagang berkenaan dengan pembayaran yang salah atau tersilap tersebut, Bank hendaklah serta-merta menterbalikkan semua kredit yang tersilap diposkan ke Akaun Ditetapkan Pedagang tanpa mengira sama ada dana telah dipungut semula daripada pihak lain yang terjejas.

5. Transaksi DuitNow QR yang Salah atau Tersilap

5.1 Bank hendaklah memaklumkan kepada Pedagang sebaik sahaja Bank menerima permintaan untuk memungut semula dana yang salah dikreditkan kepada Pedagang disebabkan oleh pembayaran yang salah atau tersilap. Pedagang mesti memudahkan proses pemungutan semula dana yang dinyatakan dalam **Klausula 5.2**.

5.2 Apabila menerima permintaan untuk memungut semula dana untuk pembayaran yang salah atau tersilap, Bank mempunyai hak untuk mendebitkan Akaun Ditetapkan Pedagang untuk memperoleh semula dana dalam tempoh lima (5) Hari Perniagaan selepas syarat-syarat berikut dipenuhi:

- 5.2.1 Jika permintaan untuk memungut semula dana diterima dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan dari tarikh pembayaran yang salah/tersilap:
- 5.2.1.1 Bank berpuas hati sepenuhnya bahawa dana telah salah atau tersilap dikreditkan ke Akaun Ditetapkan Pedagang;
 - 5.2.1.2 Bank telah memaklumkan Pedagang berkenaan dengan cadangan pendebitan Akaun Ditetapkan Pedagang dan sebab pendebitan;
 - 5.2.1.3 Terdapat baki yang mencukupi dalam Akaun Ditetapkan Pedagang untuk menampung jumlah pemungutan semula.
- 5.2.2 Jika permintaan untuk memungut semula dana diterima antara sebelas (11) Hari Perniagaan dan tujuh (7) bulan dari tarikh pembayaran salah/tersilap:
- 5.2.2.1 Bank berpuas hati sepenuhnya bahawa dana telah salah atau tersilap dikreditkan ke Akaun Ditetapkan Pedagang;
 - 5.2.2.2 Bank telah memberikan pemberitahuan bertulis kepada Pedagang di mana pembayaran yang salah/tersilap akan dipungut semula melalui pendebitan Akaun Ditetapkan Pedagang dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan selepas pemberitahuan melainkan jika Pedagang memberikan bukti yang munasabah untuk mengesahkan pemilikan dana yang dipersoalkan; dan
 - 5.2.2.3 Terdapat baki yang mencukupi dalam Akaun Ditetapkan Pedagang.
- 5.2.2 Jika permintaan untuk memungut semula dana diterima selepas tujuh (7) bulan dari tarikh pembayaran yang salah atau tersilap:
- 5.2.3.1 Bank mesti mendapatkan kebenaran bertulis Pedagang terlebih dahulu untuk mendebitkan Akaun Ditetapkan Pedagang untuk memungut semula dana, dan Pedagang mesti memberikan persetujuannya untuk mendebitkan Akaun Ditetapkan Pedagang dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan selepas menerima permintaan untuk mendebit daripada Bank.
- 5.3 Apabila Pedagang menerima permintaan untuk persetujuan daripada Bank seperti yang diterangkan dalam **Klausu 5.2.3.1**, Pedagang tidak boleh secara tidak munasabah menahan persetujuan untuk mendebitkan Akaun Ditetapkan Pedagang apabila terdapat pemulihan pemungutan semula dana yang sah.

6. Transaksi DuitNow QR Tanpa Kebenaran atau Penipuan

- 6.1 Bank hendaklah memaklumkan Pedagang sebaik sahaja Bank menerima permintaan untuk memungut semula dana yang telah dikreditkan kepada Pedagang disebabkan oleh pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan. Pedagang mesti memudahkan proses pemulihan dana yang dinyatakan dalam **Klausu 6.2**.
- 6.2 Jika Pedagang menerima bayaran tanpa kebenaran atau penipuan, Pedagang hendaklah:
- 6.2.1 Segera mengambil semua langkah praktikal untuk mencegah atau menyekat penyalahgunaan selanjutnya, pemindahan dana tanpa kebenaran atau penipuan untuk manfaat Benefisiari Penipuan;

- 6.2.2 Berikan kepada Bank maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, maklumat perhubungan dan/atau nombor kad pengenalan/nombor pasport untuk mengenal pasti secara konklusif Benefisiari Penipuan dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan selepas mengesan pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan;
- 6.2.3 Mengambil semua langkah praktikal setakat yang dibenarkan oleh undang-undang untuk memungut semula dana daripada penerima dana yang tidak disengajakan termasuk tetapi tidak terhad kepada membalikkan kredit, mengeluarkan deposit atau jaminan kewangan lain yang Benefisiari Penipuan letakkan dengan Pedagang, menghentikan penghantaran barangan, menggantung perkhidmatan yang Benefisiari Penipuan telah bayar, mengambil semula barangan yang dihantar kepada Benefisiari Penipuan dan/atau mengambil tindakan undang-undang terhadap Benefisiari Penipuan; dan
- 6.2.4 Segera berikan maklumat yang diperlukan dalam **Klausu 6.2.2** kepada Bank untuk memudahkan penyiasatan Peserta Pendebitan.
- 6.3 Sekiranya Bank menerima permintaan pembayaran daripada Pedagang yang Bank percaya adalah pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan, Bank hendaklah melakukan perkara berikut (apabila mengetahui tentang pembayaran tanpa kebenaran/penipuan yang disyaki):
- 6.3.1 Bank hendaklah menjalankan siasatan untuk menentukan:
- sama ada Pedagang terbabit dalam pembayaran tanpa kebenaran/penipuan; atau
 - sama ada terdapat alasan yang mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa Pedagang terlibat, atau telah mendapat manfaat, secara langsung atau tidak langsung daripada pembayaran tanpa kebenaran/penipuan; dan
- Bank hendaklah menghalang atau menyekat pengeluaran dan/atau penggunaan selanjutnya baki dana dalam Akaun Ditetapkan Pedagang dengan Bank sehingga terdapat penyelesaian yang memuaskan bagi Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula.
- 6.3.2 Pedagang hendaklah memudahkan dan bekerjasama dengan Bank untuk melengkapkan siasatan.
- 6.4 Jika Pedagang bertanggungjawab untuk pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan, **Klausu 10** hendaklah terpakai dengan sewajarnya.

7. Penyelesain Pertikaian

- 7.1 Pedagang hendaklah, dengan niat baik, cuba menyelesaikan semua pertikaian atau konflik dengan Bank yang timbul berkaitan dengan Perkhidmatan DuitNow QR secara aman dan dengan persetujuan bersama.
- 7.2 Memandangkan Pedagang boleh mengambil tindakan melalui badan pengantara dan timbang tara industri seperti Skim Ombudsman Kewangan, Pemilik & Pengendali DuitNow QR tidak akan menimbang tara atau menengahi pertikaian antara Bank dan Pedagang.
- 7.3 Walau bagaimanapun, Pedagang mempunyai hak untuk membuat aduan kepada Pemilik & Pengendali DuitNow QR jika terdapat dakwaan ketidakpatuhan Bank kepada Peraturan QR

PayNet seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini.

- 7.4 Pemilik & Pengendali DuitNow QR hendaklah menyemak aduan dan dakwaan tersebut mengikut **Klausu 7.5**.
- 7.5 Pedagang mempunyai hak untuk merujuk pertikaian mereka kepada Pemilik & Pengendali DuitNow QR jika terdapat dakwaan ketidakpatuhan Peserta kepada Peraturan QR PayNet. Pemilik & Pengendali DuitNow QR akan menyemak aduan dan dakwaan tersebut, tetapi semakan tersebut akan terhad kepada:
 - 7.5.1 Penentuan sama ada terdapat ketidakpatuhan;
 - 7.5.2 Menetapkan remedi kepada Peserta untuk membetulkan atau menangani ketidakpatuhan; dan
 - 7.5.3 Penentuan jika penalti dikenakan bagi ketidakpatuhan.
- 7.6 Semua keputusan yang dibuat oleh Pemilik & Pengendali DuitNow QR berikutan aduan daripada Pedagang hendaklah *prima facie* mengikat Bank.
- 7.7 Mengajukan aduan ketidakpatuhan kepada Pemilik & Pengendali DuitNow QR tidak menghalang hak Pedagang untuk membawa pertikaian kepada badan timbang tara atau pengantaraan industri masing-masing.

8. **Tanggung Rugi**

- 8.1 Sebagai tambahan kepada Klausu 17 Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, tertakluk kepada pematuhan pihak lain dengan **Klausu 8.2**, setiap pihak ("**Pihak Menanggung Rugi**") bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan pihak lain dan kakitangan, ejen, pekerja dan kontraktornya tidak dipertanggungjawabkan atas dasar tanggung rugi penuh terhadap semua tuntutan, liabiliti, penalti, perbelanjaan, kos, kerugian atau ganti rugi dalam apa jua bentuk (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh yang ditanggung oleh pihak lain) yang dialami atau ditanggung oleh pihak lain akibat daripada mana-mana yang berikut:
 - 8.1.1 Sebarang kecuaiian, salah nyata atau penipuan Pihak Menanggung Rugi, kakitangan, ejen, pekerja atau kontraktornya berkenaan dengan pelaksanaan kewajipannya atau pelaksanaan mana-mana haknya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini;
 - 8.1.2 Sebarang tuntutan oleh Pembayar, Bank, Peserta Pendebitan, Pemilik & Pengendali DuitNow QR atau mana-mana orang lain untuk sebarang pelanggaran oleh Pihak Menanggung Rugi terhadap mana-mana undang-undang yang terpakai;
 - 8.1.3 Kegagalan Pihak Menanggung Rugi untuk mematuhi mana-mana kewajipannya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini; atau
 - 8.1.4 Sebarang penggunaan Jenama DuitNow QR oleh Pihak Menanggung Rugi selain daripada yang dibenarkan oleh Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini,

kecuali setakat liabiliti tersebut timbul atau ditanggung oleh pihak lain disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan pihaknya yang disebutkan dalam **Klausula 8.1.1** hingga **Klausula 8.1.4**.

8.2 Sekiranya tuntutan dilakukan terhadap pihak yang mana pihak tersebut berhak untuk ditanggung rugi menurut **Klausula 8.1**, pihak tersebut mesti:

8.2.1 Memberi notis tentang sebarang tuntutan sedemikian kepada pihak lain;

8.2.2 Berunding dengan pihak lain berhubung dengan sebarang tuntutan sedemikian; dan

8.2.3 Tidak menyelesaikan sebarang tuntutan tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak lain, kebenaran tersebut tidak boleh ditahan secara tidak munasabah.

8.3 Bank tidak bertanggungjawab kepada Pedagang untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pedagang akibat:

8.3.1 pembayaran yang hilang atau tersilap; dan

8.3.2 kelewatan atau gangguan yang disebabkan oleh sebarang kegagalan sistem di luar kawalan munasabah Bank.

9. **Penggantungan**

9.1 Pemilik & Pengendali DuitNow QR atau Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, merizabkan untuk menggantung akses Pedagang kepada Perkhidmatan DuitNow QR di bawah keadaan berikut, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

9.1.1 Pedagang memungkirkan Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini, kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling atau undang-undang terpakai yang berkaitan dengan DuitNow QR termasuk Peraturan QR PayNet yang telah dimaklumkan kepada Pedagang oleh Bank;

9.1.2 Pedagang mempunyai kawalan operasi yang tidak mencukupi atau proses pengurusan risiko yang tidak mencukupi, mengakibatkan ancaman berpotensi terhadap kestabilan, integriti, keselamatan dan kecekapan DuitNow QR dan/atau RPP; or

9.1.3 Pedagang disyaki atas dasar munasabah bahawa ia telah melakukan atau akan melakukan tindakan penipuan berkaitan dengan DuitNow QR.

9.2 Selepas penggantungan akses Pedagang dalam Perkhidmatan DuitNow QR:

9.2.1 Perkhidmatan yang disediakan kepada Pedagang di bawah Perkhidmatan DuitNow QR akan digantung dengan segera;

9.2.2 Pedagang mesti menghentikan semua promosi dan pengiklanan yang berkaitan atau boleh dianggap berkaitan dengan DuitNow QR;

9.2.3 Pedagang mesti mengeluarkan semua Jenama DuitNow QR daripada kolateral, saluran dan laman web pemasaran Pedagang dan mengembalikan kepada PayNet semua Harta Intelek DuitNow QR; dan

- 9.2.4 Pedagang mesti mengambil semua langkah yang munasabah untuk mematuhi mana-mana arahan Bank untuk meminimumkan kesan penggantungan atau penamatan ke atas Pembayar.

10. Penamatan

- 10.1 Pemilik & Pengendali DuitNow QR atau Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, merizabkan hak untuk menamatkan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan DuitNow QR atau Perkhidmatan DuitNow QR di bawah keadaan berikut, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- 10.1.1 Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR antara Pedagang dan Bank ini ditamatkan atau tamat tempoh;
- 10.1.2 Pedagang memungkir Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini, kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling atau undang-undang terpakai yang berkaitan dengan DuitNow QR termasuk Peraturan QR PayNet yang telah dimaklumkan kepada Pedagang oleh Bank;
- 10.1.3 Pedagang gagal untuk membetulkan atau mengambil langkah yang mencukupi untuk membetulkan keingkarannya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini kepada kepuasan Bank atau Pemilik dan Pengendali DuitNow QR, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank;
- 10.1.4 Pedagang mempunyai kawalan operasi yang tidak mencukupi atau proses pengurusan risiko yang tidak mencukupi yang mengakibatkan ancaman berpotensi terhadap kestabilan, integriti, keselamatan dan kecekapan DuitNow QR dan/atau RPP;
- 10.1.5 Perintah mahkamah yang menjejaskan keanggotaan Pedagang atau Bank dan/atau status undang-undang;
- 10.1.6 Arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan menjejaskan keanggotaan dan/atau status undang-undang Pedagang atau Bank;
- 10.1.7 Insolvensi Pedagang;
- 10.1.8 Keanggotaan Bank dalam DuitNow QR, RPP atau “*Real-Time Electronic Transfer of Funds and Securities System*” (RENTAS) ditamatkan atau digantung dan Pedagang belum melantik Peserta Pengkreditan gantian; atau
- 10.1.9 Keadaan atau sebab lain yang memudaratkan yang PayNet menganggap perlu untuk menggantung atau menamatkan akses Pedagang tersebut kepada DuitNow QR.

10.2 Selepas penamatan Perkhidmatan DuitNow QR:

- 10.2.1 Penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan DuitNow QR ditamatkan secara automatik dan Pedagang tidak lagi mempunyai akses kepada DuitNow QR dan perkhidmatan yang disediakan di bawah DuitNow QR;
- 10.2.2 Pedagang mesti menghentikan semua promosi dan pengiklanan yang berkaitan atau boleh dianggap berkaitan dengan DuitNow QR;

10.2.3 Pedagang hendaklah mengeluarkan semua Jenama DuitNow QR daripada kolateral, saluran dan laman web pemasaran Pedagang dan mengembalikan kepada PayNet semua Harta Intelek DuitNow QR; dan

10.2.4 Pedagang mesti mengambil semua langkah yang munasabah untuk mematuhi sebarang arahan Bank untuk meminimumkan kesan penggantungan atau penamatan ke atas Pembayar.

11. Pengkreditan Kepada Pedagang

11.1 Bank akan mengkreditkan Akaun Ditetapkan Pedagang dengan dana daripada Arahan Pembayaran diterima dan menyediakan dana diterima mengikut cara yang dinyatakan dalam **Klausa 3.1**.

11.2 Pedagang hendaklah membayar Kadar Diskaun Pedagang dan/atau Fi ke atas transaksi mengikut kadar yang dimaklumkan oleh Bank dan dipersetujui oleh Pedagang dari semasa ke semasa. Bank diberi kuasa secara nyata untuk menolak Diskaun Pedagang yang berkenaan, Fi dan/atau jumlah wang lain (jika ada) yang terhutang kepadanya, yang timbul daripada perkhidmatan pedagang, daripada hasil pembayaran yang perlu dibayar kepada Pedagang.

12. Pengurusan Pertikaian dan Pemungutan Semula Dana

12.1 Pedagang hendaklah bertindak balas terhadap sebarang pertikaian yang timbul mengikut bahagian Pengurusan Pertikaian dan Pemungutan Semula Dana (*‘Dispute Management and Recovery of Funds’*) dalam *‘Overlay Service Procedures for DuitNow QR’* PayNet.

12.2 Sekiranya Pedagang gagal menyelesaikan pertikaian atau aduan tersebut sehingga kepuasan Pembayar dan Bank menerima aduan dan pertikaian Pembayar, Pedagang memberi kuasa kepada Bank untuk menyiasat dan menyelesaikan aduan dan pertikaian Pembayar mengikut *‘Participation Rules for Retail Payment Services’*, garis panduan BNM serta Peraturan QR PayNet.

12.3 Jika Pembayar meminta bayaran balik Pembayaran DuitNow QR atau Pengeluaran Wang Tunai disebabkan kegagalan Pedagang untuk menghantar barangan, perkhidmatan atau pengeluaran wang tunai yang mana transaksi DuitNow QR dibuat, yang boleh dibuktikan oleh Pembayar, Pedagang hendaklah melaksanakan pembayaran balik tersebut kepada Pembayar. Jika Pedagang gagal untuk melaksanakan pembayaran balik tersebut kepada Pembayar, Pedagang dengan nyata memberi kuasa kepada Bank untuk menolak jumlah tersebut daripada hasil jualan Pedagang dan juga dengan nyata memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan atau menyebabkan Akaun Ditetapkan Pedagang didebitkan semua jumlah tersebut untuk melaksanakan pembayaran balik tersebut kepada Pembayar.

13. Pemberian Maklumat Penyelarasan

13.1 Bank hendaklah menyediakan kepada Pedagang maklumat minimum berikut, bagi tujuan memudahkan proses penyelarasan dan perakaunan Pedagang untuk pembayaran resit dan fi:

- 13.1.1 Nombor Rujukan atau Pengecam Mesej Perniagaan (*‘Business Message Identifier’*);
- 13.1.2 Nama Pembayar;
- 13.1.3 Rujukan Penerima;
- 13.1.4 Maklumat Pembayaran yang lain, di mana yang berkenaan;
- 13.1.5 Nilai Transaksi;
- 13.1.6 Tarikh dan masa transaksi;
- 13.1.7 Nama Peserta Pendebitan;

- 13.1.8 Jenis Akaun;
 - 13.1.9 Jumlah kasar nilai transaksi;
 - 13.1.10 Jumlah volum transaksi; dan
 - 13.1.11 Jumlah fi/komisen yang dicaj.
- 13.2 Bank hendaklah menyerahkan kepada Pedagang, maklumat yang diterangkan dalam **Klausula 13.1**, sekurang-kurangnya mengikut cara berikut:
- 13.2.1 Aplikasi mudah alih;
 - 13.2.2 Perbankan Internet;
 - 13.2.3 Fail data atau fail elektronik;
 - 13.2.4 Penyata atau e-penyata; atau
 - 13.2.5 Laporan, sama ada elektronik atau salinan cetak.
- 14. Liabiliti untuk Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula**
- 14.1 Bagi pembayaran salah, pembayaran tersilap, tanpa kebenaran dan/atau penipuan yang tidak boleh sebahagiannya atau sepenuhnya dipungut semula, jumlah yang tidak boleh dipungut semula akan dianggap sebagai Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula dan pihak yang menyebabkan atau yang boleh secara munasabah menghalang Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula akan bertanggungjawab untuk menanggung kerugian tersebut.
- 14.2 Jika, selepas menyelesaikan penyiasatannya, Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pedagang boleh dengan munasabah menghalang Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula, Bank hendaklah memaklumkan Pedagang dan berhak untuk membekukan dana dalam Akaun Ditetapkan Pedagang sehingga terdapat penyelesaian yang memuaskan berkenaan Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula. Jumlah yang dibekukan hendaklah tidak lebih daripada jumlah Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula.
- 14.3 Pedagang bersetuju untuk mengambil semua langkah untuk mendapatkan semula Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula jika Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula adalah disebabkan oleh kesalahan atau kecuaiannya. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Bank tidak akan dihalang daripada mengambil tindakan undang-undang terhadap Pedagang untuk memulihkan Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 14.4 Bank hendaklah membayar balik sepenuhnya fi DuitNow QR yang ditanggung untuk pembayaran yang salah, tersilap, tanpa kebenaran dan/atau penipuan, jika kesilapan itu bukan disebabkan oleh Pedagang kecuali dalam situasi di mana Pedagang memutuskan untuk membayar balik sebahagian daripada lebihan bayaran. Jika Pedagang memilih untuk membayar balik sebahagian daripada lebihan bayaran kepada Pelanggan, Pedagang hendaklah menanggung fi transaksi untuk melaksanakan pembayaran balik.
- 15 Representasi dan waranti**
- 15.1 Pedagang mengakui dan bersetuju bahawa kewajipan kerahsiaan meluas kepada tetapi tidak terhad kepada yang dinyatakan dalam **Klausula 17**, pendedahan fi dan caj yang terkandung dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini; dan sebarang teknologi atau pengetahuan yang berkaitan dengan Perkhidmatan DuitNow QR atau prestasi Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini.
- 15.2 Pedagang bersetuju untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mana ia terikat dan tidak akan melakukan sebarang tindakan yang akan menyebabkan Bank, Peserta Pendebitan dan Pemilik & Pengendali DuitNow QR memungkirkan mana-mana undang-undang perlindungan data peribadi.

16 Penafian

- 16.1 Pemilik & Pengendali DuitNow QR dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, tindakan, permintaan, kos, perbelanjaan, kerugian, dan ganti rugi (sebenar dan berbangkit) termasuk kos guaman yang ditanggung atau dialami oleh Pedagang yang timbul daripada atau disebabkan oleh Bank berhubung dengan operasi dan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank dalam Perkhidmatan DuitNow QR. Pedagang bersetuju bahawa ia akan berkomunikasi dan menyelesaikan sebarang pertikaian berhubung dengan perkara yang disebutkan di atas dengan Bank.

17 Kerahsiaan

- 17.1 Pedagang hendaklah menganggap sebarang maklumat yang diterima atau milik hasil daripada Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini, sebagai sulit dan tidak akan menggunakan maklumat tersebut selain untuk tujuan yang diberikan.

- 17.2 **Klausula 17.1** tidak akan terpakai kepada maklumat yang:

- 17.2.1 Sedang atau telah pada masa penggunaan atau pendedahan menjadi pengetahuan umum tanpa sebarang kemungkiran Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini oleh Pedagang;
- 17.2.2 sedang atau telah pada masa penggunaan atau pendedahan menjadi diketahui umum kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan yang sama atau serupa dengan Pedagang atas dasar tidak sulit tanpa tindakan salah Pedagang;
- 17.2.3 diperoleh secara sah oleh Pedagang daripada pihak ketiga tanpa sebarang kewajipan oleh Pedagang untuk mengekalkan maklumat proprietari atau sulit;
- 17.2.4 diketahui oleh Pedagang sebelum pendedahan di bawah ini tanpa sebarang kewajipan untuk merahsiakannya dan maklumat tersebut tidak didedahkan oleh Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini;
- 17.2.5 dibangunkan secara bebas oleh Pedagang tanpa merujuk atau menggunakan maklumat Bank;
- 17.2.6 dikehendaki untuk mendedah atau membocor oleh mana-mana mahkamah, tribunal, kerajaan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten atau oleh mana-mana statut, peraturan atau keperluan undang-undang lain, panel pengambilalihan atau badan awam atau separa awam lain seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan di mana Pedagang diperlukan oleh undang-undang untuk membuat pendedahan sedemikian. Pedagang hendaklah memberi pemberitahuan kepada Bank sebaik sahaja praktikal sebelum pendedahan tersebut dibuat.

18. Pengubahan Dan Penepian

- 18.1 PayNet mempunyai hak untuk mengehadkan, menambah atau meminda Perkhidmatan DuitNow QR. Bank boleh mengubah terma-terma dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini pada bila-bila masa untuk memastikan pematuhan dengan prosedur operasi Pemilik & Pengendali DuitNow QR dan perubahan sedemikian akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan oleh Bank.
- 18.2 Sebarang peruntukan di sini tidak boleh diketepikan kecuali secara bertulis yang ditandatangani oleh pihak yang memberikan penepian.

19. Force Majeure

- 19.1 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pedagang untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk secara langsung atau berbangkit), akibat kegagalan untuk mematuhi atau melaksanakan kewajipannya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan Perkhidmatan DuitNow QR ini atas sebab-sebab yang tidak boleh dikawal atau dihalang oleh Bank dengan usaha munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mogok, bencana alam, kejadian semula jadi, tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan, kebakaran, banjir, ribut, rusuhan, kekurangan kuasa atau kegagalan kuasa, gangguan kuasa oleh peperangan, sabotaj atau ketidakupayaan untuk mendapatkan tenaga kerja, bahan api atau utiliti yang mencukupi.
- 20. Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR dibaca bersama-sama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran H)**
- 20.1 Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank (termasuk Lampiran H) tetapi hanya terpakai kepada Perkhidmatan DuitNow QR yang digunakan oleh Pedagang, Sekiranya terdapat ketidakselarasan, Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan untuk Perkhidmatan DuitNow QR ini akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang (termasuk Lampiran H) setakat mana yang berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan DuitNow QR.

● Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong ●